

# Sijil cuti sakit mudah diperolehi

## Ada pengamal perubatan keluar surat tanpa memeriksa pesakit secara langsung

Oleh Sazarina Shahrin, Umi Nadirah Abdul Rahman, Mohd Izham Unnip Abdullah dan Shahrizan Wahib  
[bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)

**K**UALA LUMPUR: Mudah untuk mendapatkan cuti sakit. Walaupun tidak mengalami sebarang sakit, pengamal perubatan di klinik swasta di negara ini bermurah hati memberikan cuti sakit.

Tinjauan *Berita Harian* di beberapa negeri mendapati doktor mengikut prosedur dengan enggan mengeluarkan sebarang cuti sakit di kaunter; sebaliknya meminta kebenaran doktor terlebih dulu.

Sebuah klinik di Chow Kit yang dikunjungi wartawan *Berita Harian*, doktor langsung tidak memeriksa pesakit apabila mengadu sakit perut. Hanya beberapa soalan

dikemukakan termasuk 'ada makan apa sebelum ini' dan 'sudah berapa lama sakit'.

Wartawan yang berada di dalam klinik berkenaan kurang tiga minit, diberi cuti sakit tanpa banyak soal selepas diminta.

Di sebuah lagi klinik di kawasan itu, doktor hanya mengambil bacaan suhu badan apabila wartawan memberitahu demam. Namun,

doktor tetap memberikan cuti sakit apabila diminta walaupun bacaan suhu menunjukkan normal.

Di Subang Jaya, sebuah klinik yang dikunjungi meminta RM30 untuk mendapatkan cuti sakit tetapi perlu berjumpa doktor terlebih dulu.

Di **KOTA KINABALU**, tinjauan di dua klinik di bandar raya itu mendapati pengeluaran sijil sakit hanya dibenar-

kan apabila pesakit berjumpa doktor bagi mendapatkan pengesahan tahap kesihatan mereka.

Usaha wartawan meminta sijil sakit tanpa berjumpa doktor dengan alasan ingin cepat di sebuah klinik di Api-Api Centre di sini, tidak berhasil kerana pembantu klinik enggan mengeluarkannya tanpa kebenaran doktor.